

Pekan Karai : Mutiara Arang Batu Negeri Perak

Mohd Hasrol Haffiz Aliasak, PhD

Jabatan Pengurusan Hartanah
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara (Perak)
Seri Iskandar,
Perak
haffiz677@perak.uitm.edu.my

Mohd Farid Sa'ad

Jabatan Pengurusan Hartanah
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur
Universiti Teknologi Mara (Perak)
Seri Iskandar,
Perak

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan perkembangan pembangunan Pekan Karai semasa era penjajahan British. Hasil perlombongan arang batu menjadi sumber kekayaan utama yang menyumbang kepada pembukaan dan perkembangan pekan tersebut. Hasil arang batu menjadi sumber utama ekonomi kolonial semasa era penjajahan. Berdasarkan kepada kajian ke atas data-data utama dan sekunder yang diperolehi melalui tinjauan lapangan dan penyelidikan literatur ke atas sumber-sumber yang disimpan dalam pelbagai sumber arkib. Dalam menganalisa data-data tersebut, penyelidik menggunakan teknik naratif bagi menilai kepentingan hasil perlombongan arang batu yang menyumbang kepada pembangunan Pekan Karai. Hasil perlombongan arang batu turut memberi rahmat pembangunan Pekan Karai di mana pelbagai kemudahan dan fasiliti perbandaran moden bagi memudahkan hasil-hasil lombong arang batu diangkut dan dihantar ke pelabuhan. Namun begitu, kegemilangan perlombongan arang batu Enggor telah pun berakhir setelah aktiviti perlombongan komoditi dihentikan pada tahun 1928 dan pertanian getah telah mengambil alih asas ekonomi di Pekan Karai. Dan kini, persekitaran Pekan Karai agak suram disebabkan oleh kedudukannya yang agak jauh dari Jalan Persekutuan Utara-Selatan. Walaupun pekan tersebut mempunyai jaringan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) tetapi tidak terdapat stesen/hentian keretapi meskipun suatu masa dahulu terdapat sebuah stesen keretapi yang digunakan sebagai medium perhubungan.

Kata Kunci: Pembangunan, Sosioekonomi dan perbandaran.

PENDAHULUAN

Pembangunan sesebuah bandar amat bergantung kepada kekayaan sumber yang dimiliki oleh sesebuah petempatan sama ada merupakan sebuah kawasan perbandaran baharu atau juga petempatan awal yang telah didiami oleh masyarakat awal. Dalam konteks kajian petempatan, petempatan di Malaysia telah wujud sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat dan ia telah wujud melalui pembukaan tanah oleh golongan pendatang. Seperti mana yang kita sedia ketahui, umumnya pembukaan sesebuah petempatan oleh masyarakat tradisional untuk bercucuk tanam. Namun begitu, penguasaan kerajaan-kerajaan silam ke atas sesebuah petempatan berdasarkan kedudukan kawasan tersebut yang sedia ada berada di dalam jajahan takluknya atau penaklukan oleh kuasa-kuasa tradisional.

Pembangunan moden telah diperkenalkan oleh kuasa Barat di mana pada mulanya penjajah-penjajah Eropah menguasai pusat pemerintahan kerajaan silam seperti mana yang telah berlaku ke atas Kota Melaka yang dikuasai oleh Portugis. Semasa era penjajahan Inggeris, kuasa Eropah tersebut lebih kepada pencarian tanah-tanah jajahan baru di luar negara. Dalam konteks nasional, Inggeris telah menguasai Pulau Pinang pada tahun 1786. Koloni Pulau Pinang bukanlah seperti Kota Melaka yang dikuasai oleh Portugis pada tahun 1511 sebaliknya hanya sebuah pulau yang berada dalam lingkungan penguasaan Kesultanan Kedah. Sama seperti koloni Singapura yang juga telah diambilalih oleh Inggeris pada tahun 1819 daripada Kerajaan Johor-Riau.

Namun begitu, penilaian ke atas perspektif kebolehmajuan koloni-koloni tersebut untuk menguasai laluan perdagangan Timur dan Barat telah menjadi keutamaan penguasa British. Dengan menguasai koloni-koloni strategik di Tanah Melayu, British telah menguasai wilayah-wilayah lain di dalam lingkungan koloni awal yang dikuasai. Pada ketika itu, kawasan-kawasan baru yang mempunyai hasil-hasil galian yang kaya seperti bijih timah, emas, arang batu dan sebagainya akan dibuka dan diperkemaskan lagi dengan kemudahan dan fasiliti perbandaran. Tujuan utamanya ialah untuk memudahkan proses mengangkut hasil-hasil galian tersebut ke pelabuhan kecil sebelum dibawa ke pusat-pusat perdagangan utama yang seterusnya dihantar ke United Kingdom. Dalam konteks kajian ini, penulisan kajian perbandaran di Pekan Karai, Kuala Kangsar mencakupi sejarah pembukaan, asas ekonomi utama, kekayaan pekan tersebut dan era kejatuhan pekan tersebut. Data-data kajian ini berkisar kepada penelitian ke atas data-data sekunder yang diperoleh menerusi pencarian di arkib-arkib berita, perpustakaan, Arkib Negara Malaysia dan sebagainya.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat dan meneliti kesan tinggalan pembangunan ekonomi di Pekan Karai semasa era colonial. Objektif kajian adalah seperti berikut :-

- a) Untuk mengenalpasti asas ekonomi tempatan yang menyumbang

- kepada pembukaan Pekan Karai, dan
- b) Untuk melihat sejarah perkembangan Pekan Karai kesan daripada penemuan asas ekonomi tempatan.


KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana penelitian ke atas data-data historis yang merangkumi dokumen-dokumen sejarah seperti laporan-laporan akhbar, terbitan kerajaan dan warta kerajaan. Di samping itu juga, pemerhatian di lapangan juga dibuat dengan meneliti data-data historis yang diperolehi dari sumber sekunder dan menganalisa data-data di lapangan yang merupakan sumber utama bagi kajian penyelidikan ini.

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Daerah Kuala Kangsar merupakan salah sebuah daerah yang terletak di dalam pentadbiran Negeri Perak. Daerah ini mempunyai sembilan buah Mukim iaitu Mukim Chegar Galah, Mukim Kota Lama Kiri, Mukim Kota Lama Kanan, Mukim Lubuk Merbau, Mukim Kampung Buaya, Mukim Sayong, Mukim Senggang, Mukim Pulau Kamiri dan Mukim Sg. Siput (Utara). Dari sudut geografi, daerah ini bersempadanan dengan Daerah Hulu Perak di utara, Daerah Larut, Matang dan Selama di sebelah barat, Daerah Manjung, Daerah Perak Tengah dan Daerah Kinta di bahagian selatan dan Negeri Kelantan di sebelah timur.

Rajah 1 Peta Daerah Kuala Kangsar



Daerah Kuala Kangsar memiliki keluasan 1,045.639 batu persegi. Terdapat beberapa bandar dan pekan utama yang menjadi nadi pembangunan Daerah Kuala Kangsar seperti Pekan Padang Rengas, Pekan Lubok Merbau, Pekan Kati, Bandar Kuala Kangsar, Pekan Sayong, Pekan Manong, Pekan Karai, Pekan Lintang, Pekan Salak Baru dan Bandar Sg. Siput (Utara). Pentadbiran Daerah Kuala Kangsar terbahagi kepada dua buah kawasan pentadbiran yang kecil iaitu Daerah Kuala Kangsar dan Daerah Kecil Sg. Siput (Utara). Dari sudut

pembangunan ekonomi, sektor pertanian, pelancongan dan industri menjadi nadi utama pembangunan Daerah Kuala Kangsar. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) merupakan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran kawasan bandar dan pekan di sekitar Daerah Kuala Kangsar. MPKK telah dinaiktaraf daripada Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran pada 1 April 2004. Perkembangan pembandaran ini disumbang oleh pembangunan industri di kawasan Sg. Siput (Utara) serta pembangunan industri pelancongan di sekitar Kuala Kangsar.

Pekan Karai merupakan salah sebuah bandar tertua yang terletak di dalam Mukim Kota Lama Kanan. Pekan ini terletak kira-kira 10 kilometer dari Bandar Kuala Kangsar. Pada masa kini, Pekan Karai berperanan sebagai sebuah pusat pertumbuhan desa serta kawasan komersial yang menawarkan perkhidmatan perbandaran dan komersial kepada penduduk di sekitar kawasan Karai yang merangkumi Kampung Karai, Kampung Enggor, Kampung Jawang, Kampung Perik dan Kampung Periang. Bilangan penduduk di Pekan Karai adalah seramai 949 orang yang terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Pekan Karai berperanan sebagai salah sebuah pusat pertumbuhan ekonomi dan masyarakat yang menawarkan perkhidmatan perbandaran dan komersial kepada masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan tersebut.

Pekan Karai juga merupakan salah sebuah daripada dua buah pusat komersial yang terletak di dalam kawasan Mukim Kota Lama Kanan. Bandar ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan masyarakat seperti Balai Polis Karai, Pejabat Pos Enggor, Balai Penghulu Mukim Kota Lama Kanan, Stesen Telekomunikasi, sekolah-sekolah awam dan sebagainya. Kedudukan Pekan Karai adalah di tepi Sungai Perak dan boleh dilalui dari arah Bandar Kuala Kangsar melalui Jalan Ipoh-Kuala Kangsar dan Jalan Karai.

Aktiviti ekonomi utama Pekan Karai ialah sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian yang diusahakan di sekitar perkampungan di Pekan Karai. Secara dominannya, hasil getah merupakan aktiviti utama ekonomi di Pekan Karai. Hasil-hasil getah ini diusahakan secara kecil dan sederhana oleh masyarakat Melayu di sekitar perkampungan Melayu yang berada di sekeliling Pekan Karai.

PEMBUKAAN LOMBONG ARANG BATU ENGGOR


Komoditi ini telah ditemui oleh peladang berketurunan Cina iaitu Hok Hin Hoh yang ketika itu sedang menjalankan kerja-kerja penanaman getah di atas tanah yang dipajak oleh beliau pada tahun 1890-an di sekitar kawasan antara Sungai Enggor dan Sungai Hulu Terap. Menurut Laporan Scrivenor pada tahun 1917, keluasan kawasan perlombongan arang batu di Enggor tidak luas iaitu sekitar 21 ekar dengan kedalaman 40 meter di atas Lot 1701, Mukim Kota Lama Kanan, Daerah Kuala Kangsar. Lokasi kawasan perlombongan ini terletak berhampiran dengan kawasan bekas Kompleks Stesen Keretapi Enggor iaitu kira-kira satu kilometer. Namun begitu semasa aktiviti perlombongan arang batu diusahakan

di kawasan Enggor, arang batu hanya dilombong sehingga kedalaman 16 meter sehingga aktiviti ini dihentikan pada tahun 1928.

Bagi merencanakan lagi aktiviti di kawasan perlombongan Karai, kerajaan Inggeris telah menganugerahkan konsesi dan hak perlombongan kepada syarikat lombong arang batu iaitu The Enggor Coal Syndicate Ltd. Yang merupakan satu-satunya syarikat perlombongan yang memonopoli aktiviti perlombongan arang batu di negeri Perak. Pada masa kini, kawasan tinggalan lombong ini ditemui di dalam Kampung Baru Karai.

The Enggor Coal Syndicate Ltd. Merupakan satu-satunya syarikat perlombongan arang batu yang telah diberi konsesi untuk melombong arang batu di sekitar kawasan antara hulu Sungai Enggor dan Sungai Hulu Terap di dalam kawasan Enggor. Aktiviti perlombongan oleh syarikat ini telah berlangsung bermula daripada tarikh penemuan lombong tersebut pada awal tahun-tahun 1890-an sehinggalah syarikat ini memberhentikan aktiviti perlombongan tersebut pada 18 Julai 1928.

Rajah 2 Keratan Akhbar The Straits Times Bertarikh 18 Julai 1928



Penutupan aktiviti ini telah diumumkan oleh Mr. Boyd Walker yang merupakan Pengarah Urusan The Enggor Coal Syndicate Ltd. Yang melihatkan permintaan ke atas komoditi tersebut telah menyusut meskipun penghasilannya telah mencapai 3,000 tan sebulan. Di samping itu juga, The Enggor Coal Syndicate Ltd. Telah mengalami defisit sebanyak \$8,600 yang menyukarkan syarikat untuk meneruskan aktiviti tersebut. Implikasi ini disokong oleh ketidakstabilan harga pasaran arang batu selain daripada inovasi penghasilan jentera yang tidak lagi memerlukan penggunaan arang batu. Sesuai dengan keadaan dekad-dekad 1930-an, penjaanaan jentera yang berasaskan petroleum telah mengambil alih fungsi bahan bakar tersebut.

SEJARAH PEMBUKAAN PEKAN KARAI

British sekitar tahun 1890-an sejajar dengan penemuan lombong arang batu berhampiran pekan ini. Dipercayai juga nama asal Pekan Karai ialah Pekan Karai sempena lokasi penemuan lombong arang batu Enggor yg merupakan satu-satunya hasil galian yang terbaik di Malaya selepas kawasan lombong arang batu yang terletak di Batu Arang, Rawang, Selangor. Nama Enggor juga telah diabadikan sebagai salah sebuah jalan di Singapura iaitu Enggor Street oleh Penjajah Inggeris. British telah membina jalan kereta api dan hentian kereta api Enggor sebagai pusat pengumpulan hasil arang batu yang menjadi sumber utama untuk menjana enjin arang batu yang digunakan secara meluas bagi menggerak enjin-enjin jentera pengangkutan seperti kereta api dan kapal wap. Pada masa itu, kegunaan sumber arang batu dibekalkan kepada Federated Malay States Railway (FMSR) yang merupakan sebuah badan penyedia perkhidmatan kereta api di Malaya dan Singapura. Sepanjang era penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, FMSR sedang meluaskan jaringan perkhidmatan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar utama era kolonial di seluruh Semenanjung Malaya dan Singapura sebagai pusat perdagangan terpenting semasa zaman penjajahan Inggeris.

Namun begitu, zaman keemasan Pekan Karai berakhir selepas Enggor Coal Syndicate melupuskan kepentingan syarikat tersebut pada 18 Julai 1928. Pencairan aset oleh syarikat tersebut adalah berpunca daripada kesan kejatuhan harga pasaran arang batu dunia. Sejak itu Pekan Karai terus suram sehinggalah tanaman getah dikomersialkan di kawasan Sg. Siput (Utara). Nama Pekan Karai telah ditukar kepada Pekan Karai sempena pembukaan ladang-ladang getah oleh pemodal Eropah. Kebanyakkan ladang getah ini menggunakan nama Karai sempena nama sebuah petempatan Melayu di situ iaitu Karai. Dengan adanya sumber komoditi yang baru, Pekan Karai terus kekal menggunakan nama tersebut sehingga kini. Terdapat keunikan Pekan Karai di mana ia mempunyai pelbagai kemudahan yang menggunakan kedua-dua nama Enggor dan Karai seperti Balai Polis Karai, Kg. Baru Karai, Pejabat Pos Enggor, Jambatan Enggor (Jambatan Victoria), Hentian Kereta api Enggor, Sekolah Kebangsaan Karai, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Enggor, Sekolah Agama Rakyat Karai dan sebagainya.

SEJARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PEKAN KARAI

Pekan Karai pada asalnya dikenali sebagai Pekan Karai telah dibangunkan pada akhir tahun 1890-an ekoran penemuan komoditi arang batu di kawasan Enggor. Pembangunan bandar ini adalah bercirikan kepada pembangunan unit-unit komersial era penjajahan Inggeris. Berdasarkan pelan susun atur bandar yang direkodkan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Perak, Pekan Karai telah dirancang sekitar tahun 1900-1906 melalui tarikh kelulusan Pelan Terukur pada 19 Disember 1905 oleh Juruukur Tanah Daerah (District Surveyor) bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Komposisi Pekan Karai merangkumi 53 unit

rumah kedai era kolonial, Balai Polis, Kawasan Pasar, Penambang Bot yang menghubungkan Pekan Karai dengan seberang Karai yang terletak di Mukim Kota Lama Kiri, perkhidmatan pos, sekolah dan sebagainya. Aktiviti komersial utama di Pekan Karai ialah perkhidmatan komersial yang merangkumi perniagaan runcit, pemborongan hasil getah, kedai candu, pajak gadai dan sebagainya. Pada asalnya, kedai-kedai ini dimiliki oleh seorang Arab berketurunan Syed tetapi telah dijual kepada kaum Cina yang terdiri daripada Suku Hokkien yang juga merupakan buruh-buruh Cina yang bekerja di lombong-lombong arang batu di sekitar Enggor. Pekan Karai juga bertindak sebagai nukleus atau pusat komersial yang menawarkan perkhidmatan perbandaran tidak hanya kepada masyarakat di sekitar Pekan Karai tetapi turut kepada komuniti Melayu yang tinggal di kampung-kampung yang terletak di sekitar Pekan Karai.

Aktiviti perlombongan arang batu di Enggor telah menyumbang kepada pemantapan aktiviti ekonomi di Pekan Karai di samping dengan kemudahan pengangkutan moden pada ketika itu iaitu perkhidmatan Kereta api Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMSR) yang menghubungkan Pekan Karai dengan bandar-bandar terkemuka era kolonial di Semenanjung Malaysia. Selari dengan matlamat penguasa British pada ketika itu, Pekan Karai mempunyai nilai yang penting kepada ekonomi Penjajah Inggeris. Oleh itu, sistem keselamatan dan pertahanan turut dilengkapi dengan pembinaan Balai Polis Enggor dan Berek Tentera British yang terletak berhampiran dengan Pekan Karai yang melindungi bandar tersebut daripada ancaman subversif.

Rajah 3 Susun Atur Keseluruhan Kawasan Pekan Karai



Namun begitu, zaman keemasan Pekan Karai berakhir selepas The Enggor Coal Syndicate Ltd. melupuskan kepentingan syarikat tersebut pada 18 Julai 1928. Pencairan aset oleh syarikat tersebut adalah berpunca daripada kesan kejatuhan harga pasaran arang batu dunia. Sejak itu Pekan Karai terus suram sehinggalah tanaman getah dikomersialkan di kawasan Sg. Siput (Utara). Nama Pekan Karai

telah ditukar kepada Pekan Karai sempena pembukaan ladang-ladang getah oleh pemodal Eropah. Kebanyakan ladang getah ini menggunakan nama Karai sempena nama sebuah petempatan Melayu di situ iaitu Karai. Kehadiran kaum pendatang India dari Wilayah India Selatan sebagai tenaga buruh di ladang-ladang getah milik saudagar Inggeris telah mewujudkan komuniti masyarakat majmuk yang merangkumi Kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli yang turut sama terlibat di dalam aktiviti ekonomi dan pembangunan Pekan Karai.

Pada masa kini, tidak semua rumah kedai ini digunakan untuk aktiviti perniagaan. Terdapat kedai-kedai yang telah dijadikan sebagai rumah-rumah kediaman dan ditinggalkan begitu sahaja. Kedai-kedai ini tidak memanfaatkan sebarang bentuk aktiviti ekonomi ekoran tiada ekonomi asas yang kukuh untuk mengembalikan semula kegemilangan Pekan Karai semasa era lombong arang batu Enggor. Selain kedudukannya yang agak jauh dari Jalan Persekutuan yang menghubungkan Ipoh dan Butterworth, tiada keperluan bagi masyarakat untuk singgah ke Pekan Karai selain untuk melihat keindahan Jambatan Victoria semata-mata. Walaupun terdapat aktiviti Pasar Pagi Selasa dan Pasar Petang Ahad, ia masih tidak lagi mampu untuk menaikkan semula kepentingan dan nama Pekan Karai.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian dan penelitian yang dijalankan oleh penyelidik adalah didapati bahawa, pembangunan Pekan Karai telah disumbang oleh kekayaan sumber hasil galian arang batu yang ditemui pada penghujung tahun-tahun 1890-an. Adalah sesuatu yang luar biasa di mana Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan hasil bijih timah namun di sebalik kekayaan sumber hasil tersebut, terdapat sumber hasil arang batu yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri Perak semasa era penjajahan Inggeris. Perbandaran moden di Pekan Karai telah bermula awal tahun-tahun 1900-an di mana pelbagai kemudahan perbandaran telah disediakan yang bermatlamat dan bertujuan untuk memudahkan proses pemunggaan dan penghantaran hasil lombong arang batu yang diusahakan secara komersial oleh sebuah syarikat perlombongan yang terkenal. Disamping hasil lombong yang memiliki kualiti antara yang terbaik yang dilombong dan dihasil di Tanah Melayu semasa era penjajahan turut menyumbang kepada kegemilangan Pekan Karai pada ketika itu. Namun, faktor kejatuhan harga pasaran komoditi arang batu selepas Perang Dunia Pertama telah menyumbang kepada faktor kesuraman Pekan Karai.

RUJUKAN

- Allen, R. C. (2010). Why was the Industrial Revolution British? The Kuznets Lecture: Yale University.
- Anon. (1909). Death of Mr. G. W. Fryers. The Straits Times. Dicapai dari <http://newspapers.nl.sg/Digitised/Article/straitstimes> [24 Ogos 2013]
- Anon. (1917). Government Exploitation Doubtful. The Straits Times. Dicapai dari <http://newspapers.nl.sg/Digitised/Article/straitstimes> [24 Ogos 2013]
- Anon. (1928). Perak's only coal mine. The Straits Times. Dicapai dari <http://newspapers.nl.sg/Digitised/Article/straitstimes> [24 Ogos 2013]
- Hashim Mamat. (2010). Keistimewaan Pekan Karai. Utusan Malaysia. Dicapai dari <http://www.utusan.com.my> [21 Ogos 2013]
- Jabatan Kerja Raya Negeri Perak. (1995). Sejarah JKR Negeri Perak.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2005). Rancangan Tempatan Kuala Kangsar.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk Malaysia 2010.
- Khursiah Abd. Aziz & Fakhru Zaman Abdullah. (tt). Cultural Heritage Tourism Development in Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak. Universiti Tun Abdul Razak E-Journal 7: 1-10.
- Kolej Komuniti Sungai Siput. (2013). E-Komuniti – Mukim Kota Lama Kanan. Dicapai dari <http://www.ekomuniti.kkss.edu.my> [11 Julai 2013]
- Laman Web Hari Ini Dalam Sejarah. (2013). Jambatan Victoria, Karai. Dicapai dari <http://www.arkib.gov.my> [24 Ogos 2013]
- Laman Web Rasmi Kereta Api Tanah Melayu Berhad. (2013), Dicapai dari <http://www.ktmb.com.my> [21 Ogos 2013]
- Loke, E. (2013). Peaceful idyllic living in Sungai Siput. The Star Online. Dicapai dari <http://www.thestar.com.my> [24 Ogos 2013]
- Meor Ahmad Noor Mior Hamzah. (2001). Konsep Sempadan Negeri Dalam Masyarakat. Jati 6:69-104.

Pejabat Penghulu Karai. (2007). Anugerah Pengurusan Mukim Terbaik Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2007. Tidak diterbitkan.

Perak Historical Crew. (2010). Jambatan Victoria & Karai. Dicapai dari <http://ieshamww2.webs.com> [21 Ogos 2013]

Perak Historical Crew. (2010). Kenali Kesultanan Perak-Sultan Idris Mursyidul Azzam Shah I. Dicapai dari <http://www.blogspot.com/2010/04/kenali-kesultanan-perak> [21 Ogos 2013]

Pokok Mempisang. (2011). Dicapai dari <http://wannura.wordpress.com> [21 Ogos 2013]

Rokiah Abdullah. (2013). Legasi jambatan kereta api tertua. Utusan Malaysia. Dicapai dari <http://www.utusan.com.my> [21 Ogos 2013]

Temin, P. (1997). Two views of the British Industrial Revolution. *The Journal of Economic History* 57:63-82.

The Official Website of the British Monarchy. (2013). Victoria (r. 1837-1901). Dicapai dari <http://www.royal.gov.uk> [16 Ogos 2013]

Tourism Kuala Kangsar. (2012). Kuala Kangsar, the Royal Town. Dicapai dari <http://tourismkualakangsar.wordpress.com> [21 Ogos 2013]

Yee, F. K. (1990). *Geology and Mineral Resources of the Taiping-Kuala Kangsar Area Perak Darul Ridzuan*. Ipoh: Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.